



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN RASMI YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM PERDANA MENTERI MALAYSIA KE REPUBLIK RAKYAT CHINA 29 MAC - 1 APRIL 2023

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia akan mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China (RRC) dari 29 Mac hingga 1 April 2023. Lawatan ini merupakan lawatan sulung beliau ke RRC sejak menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.

YAB Perdana Menteri akan diiringi oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri; YB Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan; YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi; YB Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Semasa lawatan ini, YAB Perdana Menteri akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Presiden Xi Jinping yang baru sahaja dilantik semula sebagai Presiden RRC bagi penggal ketiga. Kedua-dua pemimpin akan membincangkan isu-isu strategik dalam hubungan dua hala. Ini termasuk hala tuju bagi mengukuhkan lagi hubungan ketika pasca-wabak COVID-19 dengan mengambil kira persekitaran antarabangsa yang mencabar. YAB Perdana Menteri juga akan menerima kunjungan hormat, Tuan Yang Terutama Zhao Leji, Pengerusi Kongres Kebangsaan Rakyat. Mesyuarat ini akan membincangkan usaha mengukuhkan peranan dan hubungan antara parlimen kedua-dua negara.

Seterusnya, YAB Perdana Menteri akan mengadakan mesyuarat dengan rakan sejawat beliau, Tuan Yang Terutama Li Qiang, Perdana Menteri RRC. Mesyuarat ini akan memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan pelbagai bidang kerjasama dua hala dan pragmatik yang merangkumi perdagangan dan pelaburan, teknologi tinggi, ekonomi digital, pengajian tinggi, pemulihan pasca pandemik dan keterjaminan makanan. Kedua-dua pemimpin juga akan bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.



YAB Perdana Menteri dan Tuan Yang Terutama Li Qiang akan menyaksikan pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman antara Malaysia dan RRC dalam bidang pertanian dan perdagangan. Selain itu, YAB Perdana Menteri dijadualkan untuk menyampaikan syarahan di Universiti Tsinghua di Beijing.

Di Hainan, YAB Perdana Menteri akan menghadiri Persidangan Tahunan Forum Boao Bagi Asia (BFA) 2023 dan menyampaikan ucapan pada Pembukaan Pleno yang bertemakan "*An Uncertain World: Solidarity and Cooperation for Development amid Challenges*". YAB Perdana Menteri akan turut mengadakan sesi libat urus bersama diaspora Malaysia dan ahli perniagaan di Beijing dan Hainan.

Lawatan ini adalah merupakan lawatan bersejarah kerana ia adalah Lawatan Rasmi pertama YAB Perdana Menteri ke RRC sebagai ketua Kerajaan Perpaduan. Malah YAB Perdana Menteri adalah merupakan antara pemimpin pertama yang mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Li Qiang selepas dilantik sebagai Perdana Menteri dan mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Xi yang telah dilantik semula sebagai Presiden. Lawatan ini dijangka akan mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi dan kemasukan lebih banyak pelaburan ke Malaysia

Lawatan YAB Perdana Menteri ke RRC juga adalah bersempena sambutan Ulang Tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif antara Malaysia dan RRC. Pencapaian yang signifikan ini merupakan bukti terhadap hubungan dua hala yang kukuh dan berkekalan antara kedua-dua negara, berteraskan sikap saling menghormati, kepercayaan dan kepentingan bersama.

Sejak tahun 2009, RRC merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia. Pada tahun 2022, jumlah dagangan antara Malaysia dan RRC bernilai RM487.13 bilion (USD110.62 bilion), peningkatan sebanyak 15.6 peratus berbanding tahun 2021.

PUTRAJAYA
29 Mac 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my